Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan lwn Lim Ee Seng & satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S1-21-117 TAHUN 1994
MOHD SAARI H
28 FEBRUARI 2000

Pewarisan *— Surat kuasa mentadbir — Pembatalan geran — Si mati seorang Islam — Surat kuasa mentadbir si mati dikeluarkan kepada orang bukan Islam — Sama ada pentadbir harta pesaka mempunyai kepentingan benefisial dalam harta pesaka si mati — Akta Probet dan Pentadbiran 1959 s 34*

Pewarisan *— Pembahagian harta pesaka — Undang-undang Islam — Si mati seorang Islam — Sama ada seorang bukan Islam mempunyai kepentingan benefisial dalam harta pesaka si mati — Akta Probet dan Pentadbiran 1959 s 34*

Si mati telah memeluk agama Islam dan didaftar sebagai seorang Islam pada 23 Januari 1973. Beliau telah meninggal dunia pada 28 Julai 1988. Semasa hayatnya sebagai seorang Islam, si mati tidak pernah kembali kepada agama asalnya atau memeluk agama lain. Surat kuasa mentadbir untuk harta pesaka si mati telah dikeluarkan pada 27 Ogos 1992 kepada defendan-defendan. Defendan pertama merupakan isteri kepada si mati di bawah undang-undang sivil dan hasil perkahwinan dengan si mati, mereka mempunyai dua orang anak perempuan, iaitu defendan kedua dan seorang lain. Pihak plaintif telah menuntut supaya mahkamah membatalkan surat kuasa mentadbir dan harta pesaka diberikan kepada plaintif. Defandan-defendan telah membuat tuntutan balas untuk suatu deklarasi bahawa defendan-defendan berhak menjadi pentadbir dan wakil kepada harta pesaka si mati. Isu untuk diputuskan ialah sama ada defendan-defendan mempunyai kepentingan benefisial dalam harta pesaka si mati.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan dengan kos:

Oleh kerana si mati telah memeluk agama Islam dan defendan-defendan tidak beragama Islam, prinsip dalam kes *Timah bte Abdullah* bahawa seorang bukan Islam tidak dibenarkan untuk mewaris harta pesaka seorang Islam adalah terpakai kepada kes ini. Kepentingan benefisial defendan-defendan dalam pesaka si mati tidak pernah wujud dan mereka tidak berhak untuk mewarisi harta pesaka si mati (lihat ms 576A–C); *In the matter of the estate and effects of Timah bte Abdullah, deceased; The Official Administrator FMS v Magari Mohihiko & Ors* [1941] MLJ 51 diikut dan *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 dibeza. Dengan berlandas kepada s 34 Akta Probet dan Pentadbiran 1959, surat kuasa mentadbir yang dikeluarkan kepada kedua-dua defendan dibatalkan oleh mahkamah (lihat ms 576C–D).

A **[English summary**

The deceased had embraced Islam and was registered as a Muslim on 23 January 1973. He died on 28 July 1988. During his life as a Muslim, the deceased had never reverted to his original faith or embraced another religion. Letters of administration for the
B deceased's estate were issued on 27 August 1992 to the defendants. The first defendant was the deceased's wife under civil law and the marriage produced two daughters, ie the second defendant and another party. The plaintiff had moved the court to revoke the letters of administration and the estate be given to the plaintiff. The defendants counterclaimed for a declaration that they were entitled to
C be the administrators and representatives of the deceased's estate. The issue to be determined was whether the defendants had a beneficial interest in the deceased's estate.

Held, allowing the plaintiff's application and dismissing the
D defendants' counterclaim with costs:

As the deceased had embraced Islam and the defendants were not of the Muslim faith, the principle in *Timah bte Abdullah* that a non-Muslim was forbidden from inheriting the estate of a Muslim applied to this case. The beneficial interest of the defendants in the estate of
E the deceased had never existed and they had no right to inherit the estate of the deceased (see p 576A–C); *In the matter of the estate and effects of Timah bte Abdullah, deceased; The Official Administrator FMS v Magari Mohihiko & Ors* [1941] MLJ 51 followed and *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117 distinguished. Taking into account s 34 of the Probate and Administration Act 1959, the letters
F of administration issued to both defendants would be revoked by the court (see p 576C–D).]

Nota-nota

G Bagi kes-kes mengenai pembatalan surat kuasa mentadbir, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1943–1951.

Bagi kes-kes mengenai pembahagian harta pesaka mengikut undang-undang Islam, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1809–1815.

H

Kes-kes yang dirujuk

Eeswari Visuvalingam v Government of Malaysia [1990] 1 MLJ 86 (dirujuk)

Tang Sung Mooi v Too Miew Kim [1994] 3 MLJ 117 (dibeza)

I *Timah bte Abdullah, deceased, In the matter of the estate and effects of; The Official Administrator FMS v Magari Mohihiko & Ors* [1941] MLJ 51 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976

Akta Pembahagian 1958 s 2

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 s 34

Baharuddin Ali (*Kadiriah bte Abdul Karim*bersamanya) (*Baharuddin Ali & Co*) bagi pihak plaintif.

Azhar Arman Ali (*Hisham Sobri & Kadir*) bagi pihak defendan.

Mohd Saari H: Dalam writ dan penyata tuntutan, plaintif menuntut seperti berikut:

(i) Surat kuasa mentadbir yang telah diberikan kepada defendan-defendan diisytiharkan batal dan tak sah seterusnya dimansuhkan;

(ii) Surat kuasa mentadbir harta pesaka dan harta benda si mati diberikan kepada plaintif.

Manakala dalam tuntutan balas defendan-defendan, mereka menuntut seperti berikut:

(i) satu deklarasi bahawa defendan-defendan berhak menjadi pentadbir dan wakil kepada harta pesaka si mati;

(ii) satu deklarasi bahawa defendan-defendan berhak membahagikan harta pesaka si mati kepada kesemua waris/benefisiari si mati yang bukan Islam termasuk defendan-defendan sendiri;

(iii) satu deklarasi bahawa Akta Pembahagian 1958 terpakai terhadap pesaka seorang Islam;

(iv) surat kuasa mentadbir yang telah diberikan kepada defendan-defendan dikekalkan;

(v) Defendan-defendan, sebagai pentadbir dan wakil dibenarkan memohon untuk membahagikan harta pesaka si mati kepada kesemua waris/benefisiari si mati yang bukan Islam termasuk defendan-defendan sendiri.

Ringkasan fakta kes

Perkara yang dipertikaikan ialah harta pesaka seorang bernama Chew Toong Lee @ Ali Cheow bin Abdullah (si mati) bernilai RM265,315.71 (provisional). Chew telah memeluk agama Islam dan didaftar sebagai seorang Islam pada 23 Januari 1973. Chew meninggal dunia pada 28 Julai 1988. Semasa hayatnya sebagai seorang Islam, Chew tidak pernah kembali kepada agama asalnya atau memeluk agama lain.

Defendan pertama merupakan isteri kepada Chew di bawah undang-undang sivil dan hasil perkahwinan dengan Chew, mereka mempunyai dua orang anak perempuan, iaitu defendan kedua dan seorang lain. Surat kuasa mentadbir (letters of administration) untuk harta pesaka Chew telah dikeluarkan pada 27 Ogos 1992 kepada defendan-defendan.

A *Isu*

Isu untuk diputuskan ialah sama ada defendan-defendan mempunyai kepentingan benefisial (beneficial interest) dalam harta pesaka si mati (Chew Toong Lee @ Ali Cheow bin Abdullah).

B *Pendapat*

Akta Pembahagian 1958 s 2, di antara lain, berbunyi:

> Nothing in this Act shall apply to the estate of any person professing the Muslim religion or shall affect any rules of Muslim law as varied by local custom in respect of the distribution of the estate of any such person ... .

C

Dalam kes *In the matter of the estate and effects of Timah bte Abdullah, deceased; The Official Administrator FMS v Magari Mohihiko & Ors* [1941] MLJ 51, Gordon-Smith J (pada masa itu) berkata di ms 53:

> The Shafii school or interpretation of Muhammadan Law is applicable in Malaya and both according to *Tyabji's Principles of Muhammadan Law* (2nd Ed) p 834 para 4 and Howard's Translation of the Minhaj et Talibin, para 9 p 253, *an infidel is excluded from and cannot succeed to the estate of a Muhammadan.* There are other cases of exclusion from inheritance with which I am not concerned specifically. (Emphasis added).

D

E Fakta-fakta dalam kes tersebut adalah seperti berikut. Timah bte Abdullah (si mati) adalah wanita Jepun dan telah memeluk agama Islam setelah berkahwin dengan Haji Hassan. Kedua-dua suami isteri telah meninggal dunia tanpa meninggalkan anak hasil dari perkahwinan mereka. Defendan pertama dan kedua, masing-masing merupakan ibu dan abang kepada Timah (si mati). Kedua defendan bukan beragama Islam. Dalam kes
F tersebut, mahkamah memutuskan, dengan mengiktirafkan undang-undang Islam sebagai undang-undang yang terpakai dalam kes tersebut, waris-waris bukan beragama Islam tidak berhak mewarisi harta pesaka orang beragama Islam.

Apakah nas undang-undang untuk menyokong kes defendan-defendan? Dalam penghujahannya, peguambela yang bijaksana telah
G merujuk kepada kes *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 MLJ 117. Dalam kes tersebut, pempetisyen (suami) dan responden (isteri) adalah suami isteri yang diiktiraf di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Dalam tahun 1991, dekri nisi telah diberi oleh mahkamah sementara perbicaraan mengenai relief sampingan
H (ancillary relief) ditangguhkan. Dalam kes tersebut, perkara yang diberi perhatian oleh mahkamah ialah tentang bidang kuasa mahkamah untuk mendengar permohonan mengenai relief sampingan memandangkan pempetisyen telah memeluk agama Islam selepas dekri nisi diberi. Dalam kes tersebut, keputusan mahkamah adalah memihak kepada responden (isteri) di atas alasan, obligasi suami berbangkit dari perkahwinan tersebut
I tidak boleh dielakkan dengan si suami memeluk agama Islam.

Dalam kes *Eeswari Visuvalingam v Government of Malaysia* [1990] 1 MLJ 86, perkara yang diberi perhatian oleh mahkamah ialah mengenai

penafsiran peruntukan dalam Akta Pencen 1980. Jadi, ratio decidendi dalam kes tersebut tidak boleh membantu kes defendan-defendan.

Berbalik kepada kes kini, adalah tidak dipertikaikan ialah bahawa si mati (suami) telah memeluk agama Islam dan juga tidak dipertikaikan bahawa defendan pertama (isteri) dan defendan kedua (anak perempuan) tidak beragama Islam. Pada hemat saya, adalah jelas bahawa prinsip dalam kes *Timah bte Abdullah* terpakai kepada kes kini. Dalam hubungan ini, kes *Tang Sung Mooi* boleh dibezakan. Dalam kes tersebut, adalah diputuskan, obligasi si suami di bawah perkahwinan bagi pasangan bukan beragama Islam tidak boleh dielakkan dengan si suami memeluk agama Islam. Manakala, dalam kes kini, kepentingan benefisial (beneficial interest) defendan-defendan dalam pesaka si mati tidak pernah wujud. Kesannya, mereka tidak berhak untuk mewarisi harta pesaka Chew (si mati).

Kesimpulannya, ekoran dari pendapat (ruling) di atas dan dengan berlandas kepada s 34 Akta Probet dan Pentadbiran 1959, saya memutuskan, dengan tindakan kini, ia adalah sesuai dan wajar untuk mahkamah membatalkan surat kuasa mentadbir yang dikeluarkan kepada kedua-dua defendan.

Di atas sebab-sebab di atas, mahkamah memberi penghakiman untuk plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan. Seterusnya, bagi permohonan 9(i) dalam pernyatan tuntutan, mahkamah memberi perintah seperti dipohon; sementara bagi permohonan 9(ii), plaintif diberi kebebasan untuk memfail semula. Kos kepada plaintif.

Membenarkan tuntutan plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan dengan kos.

Dilaporkan oleh Chin En Tek